

ASEAN digesa rapatkan jurang pendapatan

Negara anggota ASEAN digesa melakukan usaha bersepadu yang serius untuk merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin sebagai langkah memperoleh kejayaan lebih besar dengan pelancaran Komuniti ASEAN menjelang akhir tahun ini.

Bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, negara ASEAN harus memastikan rakyat mereka menikmati kemajuan ekonomi.

“Kita perlu berusaha memberi pendidikan lebih baik dan peluang kepada golongan belia pada masa depan,” kata Abdullah dalam ucapan utama Forum Meja Bulat Kumpulan Kajian Dasar Luar Yayasan ASEAN (EPSG) mengenai

‘Komuniti ASEAN 2015 dan ke Hadapan’, di sini, semalam.

Abdullah berkata, ini penting kerana ASEAN kekal sebagai pemain utama dan bersama-sama membawa negara dan kumpulan penting seperti China, Jepun, India, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Russia dalam dialog yang membina serta pembabitian untuk keamanan dan kemajuan ekonomi yang memberi manfaat di sekitar rantau ini.

Beliau berkata, dari segi jumlah perdagangan menunjukkan peningkatan enam kali ganda daripada AS\$430 bilion pada 1993 kepada AS\$2.5 trilion pada 2013.

“Perdagangan antara ASEAN meningkat tujuh

kali ganda daripada AS\$82 bilion pada 1993 kepada AS\$609 bilion pada 2003. Perdagangan luar ASEAN meningkat lima kali ganda daripada AS\$348 bilion pada 1993 hingga AS\$1.9 trilion pada 2003.

“Ia akan menjadi permulaan perjalanan yang sangat menarik bagi kita semua dalam ASEAN memandangkan kita berharap untuk membawa ASEAN menjadi lebih dekat untuk kemajuan bersama yang memberi manfaat kepada rakyat ASEAN,” katanya.

Abdullah berkata ASEAN Campur 3 mewujudkan integrasi baik dengan China, Jepun dan Korea Selatan menjadikan 42 peratus pelaburan langsung asing (FDIs) mengalir ke ASEAN. - BERNAMA